

16 OCT 2001

Sukan-Morac

MORAC PERKENAL DUA BIASISWA UNTUK PELUMBA KART REMAJA

KUALA LUMPUR, 16 Okt (Bernama) -- Hasrat Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad untuk menjadikan sukan bermotor di negara ini sebagai satu sukan yang disertai ramai, terutama pelajar sekolah rendah dan menengah, bukan lagi satu angan-angan.

Beberapa siri pengenalan sukan kart, termasuk memperkenalkan kad keahlian eksklusif kepada pelajar yang berminat, telah diadakan di sekolah-sekolah terpilih di samping promosi langsung di beberapa pasaraya terutama di Lembah Klang.

Berikutan itu, Morac International & Karting Circuit Sdn Bhd (Morac), anak syarikat Mofaz Sdn Bhd, syarikat bertanggungjawab memajukan sukan bermotor di negara ini telah memperkenalkan skim biasiswa kepada pemandu kart remaja negara sejak Mac tahun ini.

Dua pemandu remaja yang sentiasa mempamerkan kecemerlangan pada setiap pertandingan kart sejak empat tahun lalu, telah dipilih sebagai penerima awal biasiswa berkenaan.

Mereka ialah Rohairijaz Mohd Ropin, 16, dari Terengganu dan Nik Iruwan Nik Izani (16) dari Kelantan. Kedua-dua pelajar tingkatan empat itu mendapat pembiayaan sebanyak RM150,000 setahun.

Pengurus Morac, Nik Bazirah Nik Ismail berkata, penganugerahan biasiswa itu adalah lambang kesungguhan Morac mempromosikan sukan kart di negara ini terutama di kalangan pelajar-pelajar sekolah rendah dan menengah.

Katanya, ia juga adalah kesinambungan daripada pembangunan litar Fastrack Speedzone Elite, USJ yang dirasmikan oleh Dr Mahathir, Jun lalu.

Dengan pemberian biasiswa itu ia diharapkan akan mendorong lebih ramai remaja menunjukkan kesungguhan dalam sukan berprestij ini, katanya.

"Ini kali pertama Morac memperkenalkan skim biasiswa dalam usaha membantu pemandu kart menjalani latihan pusat, yang kebanyakan berlangsung di Kuala Lumpur," katanya.

Nik Bazirah berkata, Morac memperuntukkan dua biasiswa setahun dan setiap penerima perlu sekurang-kurangnya mengekalkan prestasi pemanduan masing-masing di samping memastikan pencapaian pelajaran di tahap terbaik.

Katanya, antara syarat pemberian biasiswa kepada pemandu Kart ialah memperoleh sekurang-kurangnya 6A dalam peperiksaan PMR selain cemerlang dalam setiap pertandingan yang disertai.

Menurutnya, kedua-dua pemandu berkenaan - Nik Iruwan memperoleh 8A manakala Rohairijaz mendapat 7A pada peperiksaan PMR lalu.

Dari segi pencapaian dalam pertandingan pula, Nik Bazirah berkata, baik Rohairijaz mahupun Nik Iruwan, sering berada antara tempat kedua dan kelima.

"Apa yang membuatkan kami memilih kedua-dua remaja ini sebagai percubaan kerana mereka telah membuktikan kehebatan walaupun terikat dengan jadual pertandingan, tetapi masih dapat mengekalkan tahap tertinggi dalam pelajaran," tambahnya.

Rohairijaz ketika ditemui berkata, beliau mengimpikan tempat ke pertandingan Formula One satu hari nanti.

"Untuk mencapai impian itu, saya kini menyertai bahagian terbuka," katanya yang kurang berminat dengan pertandingan Rotax Max.

Beliau yang mula menyertai pertandingan kart sejak berumur 12 tahun lagi pernah muncul juara keseluruhan peringkat kadet (1997) dan Jica (1999) serta menduduki tempat kedua kategori terbuka di Langkawi tahun lalu.

Rohairijaz mendapat sokongan moral yang kuat daripada ibu bapanya malah

dua lagi adiknya kini menunjukkan minat mendalam dalam sukan kart.

"Bapa membelikan saya sebuah kart semasa saya berusia 11 tahun dan setahun kemudian saya menyertai pertandingan Kart di Kuala Lumpur," katanya yang mula memandu kart di kawasan berpasir berhampiran rumahnya.

-- BERNAMA

BZ ERE AHH ZB